

27/10/2002

Malaysia capai status kuasa sederhana

KOTA KINABALU: Malaysia sudah hampir mencapai status kuasa sederhana dalam hubungan diplomatik antarabangsa, kata bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam.

Beliau berkata, ini dibuktikan apabila baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan kesediaannya menjadi penghubung antara dunia Barat dan Islam.

"Bagaimanapun, peranan sebegini sepatutnya didokong bersama oleh banyak individu pada pelbagai peringkat di negara ini serta membabitkan pelbagai arena seperti penghubung kumpulan negara Selatan dan Utara serta antara Timur dan Barat.

"Ia seharusnya menjadi sebahagian daripada ciri keMalaysiaan kita," katanya pada ucapan balas ketika menerima ijazah kehormat doktor falsafah dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Konvokesyen Keempatnya di sini, semalam.

Musa yang juga bekas wakil khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta Pengarah Urusan YTL Berhad, Tan Sri Yeoh Tiong Lay, adalah penerima pertama ijazah kehormat doktor falsafah dari UMS sejak penubuhannya lapan tahun lalu.

Pada konvokesyen kali ini, seramai 1,861 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing daripada Canselornya, Tun Sakaran Dandai, dalam empat sesi berasingan di Dewan Bankuasi Dewan Undangan Negeri Sabah, selama dua hari bermula semalam.

Sehubungan itu, Musa berkata, adalah menjadi tanggungjawab kepada golongan muda terutama graduan universiti menyokong fungsi berkenaan dengan menjelaskan kepada masyarakat antarabangsa erti sebenar tolak ansur, perpaduan kaum, toleransi beragama serta kebijaksanaan ketimuran.

Katanya, mereka perlu mampu menjadi `jambatan' bagi menghubungkan elemen dan kumpulan bertelagah di peringkat antarabangsa dan bertindak seperti seorang pendita yang membawa hikmah kemanusiaan, sekali gus menjadi penerus dan pemantap tradisi misi diplomatik berkenaan.

"Saya berasa terharu sekiranya generasi anda (hari ini) tidak berminat dan tidak berupaya dinamik untuk mengorak langkah dan menaburkan sumbang bakti (dalam hubungan diplomasi antarabangsa)," katanya.

Sementara itu, Musa berkata, tenaga pengajar dan mahasiswa UMS mempunyai peluang besar untuk meraih faedah penyelidikan daripada perkembangan semasa yang berlaku di rantau ini terutama dengan hasrat Malaysia merealisasikan gagasan Asean Campur Tiga.

"Dalam konteks ini, Sabah semacam berjiran dengan Korea, Jepun dan China. Universiti manakah di negara ini yang lebih strategik lokasinya untuk sama-sama menyokong usaha ini?" katanya.